

## **APAKAH ITU PENAWARAN TERBUKA?**

Penawaran Terbuka bermaksud satu program penawaran Rumah Selangorku kepada orang awam yang dianjurkan oleh pemaju namun **diberikan kelonggaran syarat kelayakan kepada pemohon/bakal pembeli** sekiranya memenuhi syarat kelayakan melalui '**semakan dokumen**' daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

## **SEBAGAI PEMAJU, BILAKAH PROSES PENAWARAN TERBUKA BOLEH DIADAKAN ?**

Proses penawaran Terbuka boleh diadakan bagi projek Rumah Selangorku **Jenis B, C dan D sahaja selepas 6 bulan dari tawaran nama pertama dilaksanakan atau sekurang-kurangnya 3 kali tawaran** dilaksanakan oleh LPHS kepada pemohon-pemohon yang berjaya atau yang mana terdahulu.

## **SEBAGAI PEMAJU, BAGAIMANAKAH PROSES PERMOHONAN PENAWARAN TERBUKA BOLEH DIBUAT ?**

Pemaju dikehendaki mengemukakan **surat permohonan bertulis kepada LPHS** untuk mengadakan Penawaran Terbuka dengan mengemukakan bersama maklumat pengemaskinian maklum balas penawaran nama daripada LPHS sama ada pemohon menerima atau menolak tawaran. Pemaju juga boleh mencadangkan tarikh yang bersesuaian untuk mengadakan Penawaran Terbuka semasa permohonan dibuat.

**SEBAGAI PEMAJU, APAKAH KEPERLUAN SEMASA PROGRAM PENAWARAN TERBUKA?**

Sebelum Penawaran Terbuka diadakan, pemaju digalakkan mengadakan promosi dengan membuat **pengiklanan atau 'Bulk SMS System'** dan sebagainya bagi mewar-warkan program tersebut untuk menarik kehadiran pengunjung semasa program tersebut.

Semasa Program Penawaran Terbuka juga, pemaju digalakkan mewujudkan kaunter berkaitan seperti kaunter untuk cetakan CCRIS, Bank, KWSP, PTPTN, Pesuruhjaya Sumpah dan sebagainya jika perlu. Ini bertujuan bagi memudahkan urusan pemohon mendapatkan carian maklumat pemohon daripada agensi berkaitan secara terus untuk dikemukakan semasa program Penawaran Terbuka.

**SEBAGAI PEMAJU, BOLEHKAH SAYA MENDAPATKAN NAMA DARIPADA SISTEM PENDAFTARAN RUMAH SELANGORKU SELEPAS PROGRAM PENAWARAN TERBUKA TELAH DIADAKAN ?**

**Boleh**, pemaju dikehendaki mengemukakan surat permohonan bertulis kepada LPHS untuk mendapatkan senarai nama pemohon daripada Sistem Pendaftaran Rumah Selangorku sekiranya masih terdapat lagi baki unit yang masih belum ditawarkan selepas program Penawaran Terbuka.

Tarikh kemaskini : 31 Januari 2017